

Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
Fax: (020 7402 0953)
020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk



اوپيت فنوتت ووترا بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

SURAT PEMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BILANGAN 02/2017

PEMAKLUMAN BAGI LATIHAN PENEMPATAN SEMENTARA DAN SUKARELAWAN SEBAGAI PEMBANTU PENGAJAR DI SEKOLAH RENDAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMASA CUTI MUSIM PANAS

Sukacita menarik perhatian khususnya pelajar-pelajar Biasiswa kerajaan dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan Tahun 2 Ijazah Sarjana Muda yang akan menggunakan kemudahan tambang kerajaan *Biennial Leave* semasa cuti musim panas Julai hingga September 2017.

2. Sebagai salah satu inisiatif Unit Penuntut-Penuntut dan Kementerian Pendidikan untuk memberikan pendedahan dan pengalaman kepada dunia pekerjaan sebenar bagi penuntut-penuntut yang sedang belajar di United Kingdom, setiap pelajar tahun 2 Ijazah Sarjana Muda biasiswa kerajaan adalah **digalakkan** untuk mengikuti latihan penempatan sementara semasa cuti musim panas di Negara Brunei Darussalam sekurang-kurangnya bagi tempoh **empat (4) hingga enam (6) minggu**.

3. Syarat-syarat mengikuti Latihan Penempatan Sementara adalah seperti berikut:

- 3.1 Latihan hendaklah di adakan di Negara Brunei Darussalam sahaja sama ada agensi kerajaan ataupun swasta;
- 3.2 Setiap penuntut perlu mengenalpasti dua (2) buah jabatan/ kementerian/ pertubuhan/ syarikat yang berkaitan dengan kursus yang sedang diikuti;
- 3.3 Tempoh minima bagi latihan penempatan sementara bagi setiap agensi ialah selama tiga (3) minggu dan menjadikan keseluruhan latihan selama enam (6) minggu atau jika 1 jabatan sahaja latihan penempatan hendaklah dijalankan selama empat (4) ke enam (6) minggu.
- 3.4 Setiap penuntut yang berhasrat untuk menggunakan kemudahan tambang kerajaan *Biennial Leave* semasa cuti musim panas hendaklah terlebih dahulu menghadapkan **Borang Penempatan Sementara** (link).
- 3.5 Borang Latihan Penempatan Sementara hendaklah **dihadapkan melalui UPP Online** atau emel ke academic@upp.org.uk selewat-lewatnya pada **03 Februari 2017**.

4. Dalam hubungan ini, Unit Penuntut-Penuntut sukacita berharap para penuntut akan mengambil peluang baik ini untuk menimba pengalaman di bidang pekerjaan sebenar walaupun ianya tidak dimestikan. **Penuntut-penuntut persendirian** juga adalah dialu-alukan untuk menjalani latihan penempatan sementara. Walaubagaimanapun, latihan tersebut nanti adalah juga **tertakluk kepada penerimaan dan kuota** yang diperuntukkan oleh agensi-agensi yang dipohonkan oleh penuntut.


5. Dalam hal berkaitan, sukacita juga memaklumkan bahawa Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan melalui surat Kementerian Pendidikan rujukan: JPLL/A/35[UPP]/J1[42] bertarikh: 15 Syawal 1437 bersamaan 20 Julai 2016 sedang bekerjasama dengan Unit Penggerak, Jabatan Perdana Menteri mengunghayahkan projek kebangsaan **menangani pelajar-pelajar sekolah rendah yang lemah dalam "literacy and numeracy"**.

Sehubungan itu, penuntut-penuntut tahun 2 yang akan bercuti di tanahair semasa musim panas adalah sangat disarankan untuk terlibat sebagai **Pembantu Pengajar (Assistant Teacher)** dalam matapelajaran **English, Mathematics dan Science** untuk pelajar-pelajar sekolah rendah. Penuntut-penuntut yang berminat bolehlah mengisi Borang Penempatan Sementara sebagai salah satu pilihan penempatan sementara.

Sekian disampaikan untuk perhatian dan tindakan setiap penuntut mengenainya.

Wassalam.

"Integriti Tingkatkan Kemibawaan Pengurusan"



Ahmad Faisal Bin Haji Zainal Abidin
Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XIV

Tarikh: 12 Rabiulakhir 1438 / 10 Januari 2017